



**PERIWAYATAN AL-TAFARRUD DAN IMPLIKASINYA KEPADA PENILAIAN  
SARJANA HADIS DALAM DISIPLIN AL-JARH WA AL-TA'DIL**

**[THE NARRATION OF AL-TAFARRUD AND ITS IMPLICATIONS ON THE  
EVALUATION OF HADITH SCHOLARS IN THE DISCIPLINE OF AL-JARH WA AL-  
TA'DIL]**

**(MOHD AIZUL BIN YAAKOB)\***

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),  
[aizulyaakob@kuis.edu.my](mailto:aizulyaakob@kuis.edu.my), 0196583659.

\* Corresponding Author: Mohd Aizul bin Yaakob

**Keywords:**

*al-Tafarrud; al-Jarh wa al-Ta'dil; Narrators of Hadith; Scholars of Hadith*

**ABSTRACT**

*Hadith scholars have utilised a variety of approaches to determine the status al-jarh wa al-ta'dil of a hadith narrator. One of these is by analysing the style of hadith narration he used. As a result, the occurrence of al-tafarrud narration is one of the types of hadith narration that influences the judgement of a narrator's status of al-jarh wa al-ta'dil. However, the impact of this part does not appear to have been discussed in contemporary hadith scholarly discussions. Even, the presence of this element is sometimes thought to have no influence on the narrator's status or the narration itself. Therefore, this article will emphasise the impact of al-tafarrud factors in determining the credibility of hadith narrators. In order to achieve these objectives, a qualitative study was conducted to procure the data through library research. The data was then analyzed based on deductive methods. The study's results demonstrated that the frequency of the narrator's narrative, whether it be al-muwafaqah, al-mukhalafah, or al-tafarrud, is what determines the level of al-dabt of the narrator. The study also found that the rating of hadith scholars is influenced by how frequently an individual uses al-tafarrud in his or her narration. The terms commonly used for narrators who narrate hadith in al-tafarrud are such as munkar al-hadith, matruk al-hadith, la yutaba 'alayh and la yahtajju bih idha infarada.*

**Kata Kunci:**

*al-Tafarrud, al-Jarh wa al-Ta'dil, Perawi Hadis, Sarjana Hadis*

**ABSTRAK**

*Para sarjana hadis telah menggunakan beberapa cara untuk menilai status al-jarh wa al-ta'dil seseorang perawi hadis. Salah satu daripadanya adalah dengan melihat kepada bentuk periwayatan hadis yang diriwayatkannya. Sehubungan itu, kewujudan al-tafarrud merupakan antara bentuk periwayatan hadis yang mempengaruhi penilaian status al-jarh wa al-ta'dil seseorang perawi. Walau bagaimanapun, pengaruh elemen ini seakan tenggelam dalam perbincangan dan karya-karya ulum hadis semasa. Malah, kewujudan elemen ini kadangkala dilihat tidak memberi kesan kepada penilaian perawi dan sekaligus kepada periwayatan itu sendiri. Justeru, artikel ini akan menonjolkan pengaruh elemen al-tafarrud kepada penilaian terhadap kredibiliti perawi hadis. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan.*

---

*Data yang dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan kaedah deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kritikan terhadap tahap al-dabt perawi ditentukan berdasarkan kekerapan riwayatnya sama ada berlaku al-muwafaqah, al-mukhalafah atau al-tafarrud. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa kekerapan berlaku al-tafarrud dalam periwayatan seseorang perawi turut memiliki pengaruh dalam penilaian daripada sarjana hadis. Istilah-istilah yang biasa dipakai pula bagi perawi yang meriwayatkan hadis secara al-tafarrud adalah seperti munkar al-hadith, matruk al-hadith, la yutaba' 'alayh dan la yahtajju bih idha infarada.*

---

Received: November xx, xxx

Accepted: March xx, xxxx

Online Published: June xx, xxxx

## 1. Pendahuluan

Terdapat beberapa pendekatan yang di praktikkan oleh para sarjana hadis dalam menentukan keadilan dan kedabitan seseorang perawi. Menurut al-Lahim, sebanyak lima unsur yang dipakai sebagai asas untuk menilai dua elemen ini pada diri seseorang perawi, iaitu memerhati perihal peribadi dan sejarah kehidupannya, bertanya secara langsung berkenaan status periwayatannya, melakukan ujian, meneliti kitab-kitabnya dan meneliti bentuk-bentuk periwayatannya (al-Lahim, 2003).

Seiring dengan penjelasan di atas, al-Malyabari menegaskan bahawa keadilan seseorang perawi boleh ditentukan berdasarkan kepada kemasyhuran perawi tersebut. Sekiranya keperibadiannya tidak dikritik maka umumnya ia memiliki sifat adil (al-Malyabari, 2005). Manakala, tahap *al-dabt* seseorang perawi itu ditentukan pula melalui penelitian terhadap hadis-hadisnya, di samping membandingkan hadisnya dengan hadis perawi-perawi *thiqah* yang lain (al-Malyabari, 2005). Justeru, tahap *al-dabt* dinilai sejajar dengan kelaziman hadis-hadisnya sama ada banyak berlaku percanggahan dengan hadis-hadis dari perawi *thiqah* yang lain atau bersendirian. Dalam hal ini, Ibn al-Salah (m. 643 H) telah menjelaskan seperti berikut: “*Diketahui kedabitan perawi dengan membandingkan riwayat-riwayatnya dengan riwayat-riwayat perawi thiqah lain yang terkenal dengan sifat dabt dan itqan. Sekiranya kita mendapati kebanyakan riwayatnya menepati sekalipun hanya dengan makna dengan riwayat-riwayat tersebut, maka perawi itu adalah dabt. Namun, sekiranya kita dapati kebanyakan riwayatnya bercanggah, maka kita telah ketahui bahawa tahap dabtnya rendah dan tidak boleh dijadikan hujah dengan hadisnya.*” (Ibn al-Salah, 2022). Sehubungan daripada itu, Hamam menjelaskan bahawa status *dabt* seorang perawi dinilai berdasarkan kesinambungan riwayatnya dengan riwayat dari perawi-perawi *thiqah* yang lain, di samping tidak berlaku *al-tafarrud* dan percanggahan pada kebanyakan riwayatnya (Hamam, 2008).

Berdasarkan kepada nukilan dan penjelasan di atas, secara asasnya boleh disimpulkan bahawa unsur *al-tafarrud* dalam periwayatan seseorang perawi memiliki pengaruh secara langsung dalam penilaian sarjana kepada kredibilitinya. Lebih khusus, adalah kepada tahap *al-dabt* perawi tersebut. Oleh kerana itu, Syu'bah (m. 160 H) pernah ditanya berkenaan perawi yang perlu ditinggalkan hadisnya? Justeru jawab beliau: “*Apabila seseorang perawi itu meriwayatkan daripada perawi-perawi yang masyhur sesuatu yang tidak diketahui oleh perawi-perawi masyhur, maka hadisnya perlu dibuang*” (Ibn ‘Adi, 1985). Demikian pula al-Thawri (m. 161 H) pernah berkata: “*‘Abd al-Rahman (bin Ziyad al-Ifriqi) telah datang kepada kami dengan enam buah hadis yang dimarfukan kepada Nabi SAW, sedangkan dia tidak pernah mendengar seorang pun dalam kalangan ahli ilmu memarfukan hadis berikut.*” Justeru kata Abu al-‘Arab: “*Disebabkan riwayat yang gharib ini, Ibn Ma’in melemahkan hadisnya*” (Ibn Hajar, t.t.).

Bagaimanapun, kaedah ini dilihat dipinggirkan khususnya dalam metode kritik hadis semasa, di mana kebanyakan menjadikan *al-hukm al-ijmali* terhadap seseorang perawi yang telah diputuskan oleh para sarjana sebagai keputusan mutlak dalam menentukan status perawi tersebut. Dalam erti kata yang lain, mereka tidak mengamati secara lebih terperinci seperti fenomena *al-tafarrud* dan *al-mukhalafah* sebagai sesuatu yang memberi kesan kepada penilaian sarjana hadis terhadap seseorang perawi. Menurut al-Mu‘allimi, terdapat dua cara para sarjana hadis memberikan komentar terhadap seseorang perawi. Pertama adalah secara ringkasan selepas membuat pemerhatian terhadap diri dan keadaan riwayat perawi berkenaan. Contohnya komentar ringkas yang diberikan seperti si Fulan *thiqah*, si Fulan *da‘if* dan sebagainya. Manakala, kedua adalah berdasarkan penelitian terhadap riwayat-riwayat perawi tersebut secara khusus (Mustafa, 1991). Sehubungan

daripada itu, kadangkala boleh berlaku seorang perawi dihukum sebagai *thiqah* namun apabila ia bersendirian dalam periwayatan, statusnya berubah menjadi *da'if*. Sebagai contoh, perawi yang bernama Syarik dinilai oleh al-Daraqutni sebagai seorang perawi yang *thiqah*. Bagaimanapun di tempat yang lain, beliau berpandangan bahawa Syarik adalah *laysa bi al-qawi* sekiranya dia bersendirian (Mustafa, 1991).

## 2. Definisi *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan Kaitannya dengan Elemen *al-Tafarrud*

Dari sudut bahasa, *al-jarh* bermaksud *al-ta'n* iaitu kritikan. Manakala dari sudut istilah pula *al-jarh* adalah kritikan terhadap sifat adil dan *dabt* perawi. Manakala *al-ta'dil* dari sudut bahasa bermaksud memberikan pujian. Dari sudut istilah, *al-ta'dil* bermaksud pujian terhadap sifat *'adil* dan *dabt* perawi (al-Ghoury, 2007). Sehubungan daripada itu, boleh dirumuskan bahawa disiplin *al-jarh wa al-ta'dil* bermaksud satu ilmu yang berkaitan kritikan dan pujian terhadap sifat *'adil* dan *dabt* perawi.

Perkataan *al-tafarrud* pula adalah daripada kata akar *farada* yang bermaksud ganjil (*al-witr*), tunggal (*wuhdah*) (Ibn Manzur, t.t.). Dari sudut istilah, *al-tafarrud* bermaksud sesuatu hadis yang datang melalui jalan seorang perawi tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain dan berlaku dalam beberapa kemungkinan iaitu sama ada pada asal hadis (*mutlaq*) atau sebahagian daripadanya (*nisbi*), berlaku pertembungan (*al-mukhalafah*) ataupun tidak, berlaku tambahan (*al-ziyadah*) ataupun tidak, berlaku pada sanad ataupun matan, dan melalui perawi yang *thiqah* ataupun tidak (Hamam, 2008).

Dalam ilmu *al-jarh wa al-ta'dil*, terkandung dua sifat perawi yang menjadi perhatian para sarjana untuk diperhalusi, iaitu *al-'adalah* dan *al-dabt* perawi. *al-'Adalah* bermaksud sesuatu yang membawa pemiliknya kepada taqwa dan menjauhkan diriinya daripada perkara yang menjatuhkan maruah. Syarat bagi sifat ini yang telah ditetapkan oleh para sarjana ada lima iaitu Islam, berakal, baligh, memlihara maruah dan bertakwa. Takwa sebagaimana yang dimaksudkan adalah melakukan perkara yang diperintahkan dan meninggalkan perkara yang dilarang. Jelas Nur al-Din 'Itr, *al-'adalah* bermaksud kebaikan yang dilakukan oleh seseorang perawi itu mendominasi keburukan yang dilakukannya. Bukanlah bermaksud seorang perawi yang adil itu maksum. Akan tetapi namun dia tidak berterusan melakukan maksiat ('Itr, 2007).

Manakala sifat *al-dabt* pula bermaksud memelihara riwayat bermula daripada menerimanya, sehinggalah menyampaikannya ('Itr, 2007). Sehubungan daripada itu, Ibn al-Salah menjelaskan bahawa *al-dabt* adalah perawi yang sedar dan tidak lalai, menghafal riwayat tersebut sekiranya dia menyampaikan dalam bentuk hafalan, atau menjaga catatannya sekiranya dia menyampaikan hadis dengan catatan. Demikian apabila dia menyampaikannya dengan dalam bentuk makna, disyaratkan dia seorang yang mengetahui tentang makna tersebut (Ibn al-Salah, 2022). Oleh yang demikian, sifat *al-dabt* menjamin ketulenan sesuatu riwayat yang disampaikan oleh seseorang perawi sebagaimana yang didengarnya tanpa sedikitpun melakukan penambahan atau pengurangan pada riwayat tersebut.

Ibn al-Salah menjelaskan bahawa sifat *al-dabt* pada diri perawi boleh dikesan menerusi melakukan perbandingan antara riwayat perawi berkenaan dengan riwayat-riwayat dari perawi *thiqah* lain yang terkenal dengan sifat *dabt* dan teliti. Justeru jelas Ibn al-Salah, sekiranya keseluruhan atau sebahagian besar riwayatnya itu menepati dengan riwayat-riwayat berikut sekalipun dari sudut makna, maka perawi itu memiliki sifat *dabt*. Bagaimanapun, sekiranya natijah sebaliknya maka perawi itu tidak memiliki sifat *dabt* dan tidak boleh berhujah dengan hadisnya (Ibn al-Salah, 2022). Sebenarnya, kaedah yang dijelaskan oleh Ibn al-Salah di atas merupakan kaedah yang telah dipraktikkan oleh sarjana hadis untuk menentukan tahap sifat *al-dabt* pada seseorang perawi. Jelas Ayyub al-Sakhtiyani (m. 131 H), sekiranya kamu ingin mengetahui kesilapan gurumu, maka duduklah bersama orang lain" (al-Darimi, 2000). al-Syafi'i (m. 204 H) turut menjelaskan bahawa sarjana hadis menjadikan ukuran kuatnya hafalan seseorang perawi adalah dengan melihat kesamaan hadisnya dengan hadis-hadis daripada kalangan perawi yang hafiz (al-Syafi'i, t.t.). Seiring dengan pendirian di atas, Muslim (m. 261 H) turut menjelaskan bahawa tanda sesuatu riwayat seseorang ahli hadis itu *munkar* adalah apabila riwayatnya bercanggah dengan riwayat-riwayat dari kalangan ahli hadis yang *mutqin* (Muslim, 2000).

Berpandukan kepada pendirian di atas, jelas menunjukkan bahawa sarjana hadis menilai tahap *al-dabt* seseorang perawi adalah dengan melihat kesepakatan riwayatnya dengan riwayat-riwayat perawi *thiqah* yang lain dan tidak berlaku *al-tafarrud* atau percanggahan dengan riwayat-riwayat yang lain. Sehubungan itu, di sini terpamer kesan fenomena *al-tafarrud* pada penilaian *al-jarh wa al-ta'dil* (Hamam, 2008).

## 3. Kesan *al-Tafarrud* Pada Penilaian *al-Jarh wa al-Ta'dil*

Sebagaimana telah dijelaskan bahawa elemen *al-tafarrud* yang terkandung dalam sesuatu periwayatan hadis memberi kesan dalam penilaian terhadap seseorang perawi. Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna setiap kali

berlaku *al-tafarrud* dalam sesebuah riwayat, perawinya akan dikritik oleh sarjana hadis. Pemerhatian penulis mendapati bahawa penilaian sarjana hadis adalah berdasarkan kekerapan elemen *al-tafarrud* dalam periwayatan perawi tersebut. Sekiranya kekerapan itu tinggi, maka perawi tersebut akan diberikan kritikan. Namun apabila kekerapan *al-tafarrud* dalam periwayatannya rendah, maka hanya riwayatnya sahaja yang dikritik dan bukan tahap *al-dabt* perawi tersebut. Keadaan ini sebenarnya telah dijelaskan oleh Muslim (m. 261 H) dalam mukadimah kitab Sahihnya, iaitu seperti berikut:

“...dan tanda *munkar* pada hadis seorang perawi adalah apabila riwayatnya (*sendirian*) bercanggah dan tidak boleh diharmonikan dengan riwayat-riwayat daripada perawi ahl *al-hifz wa al-rida*. Justeru apabila kebanyakan hadisnya begitu, maka hadisnya ditolak, tidak diterima dan tidak diamalkan” (Muslim, 2000).

Berdasarkan kepada perkataan Muslim mengenai tanda-tanda hadis *munkar* di atas, Syabbir Ahmad al-Uthmani (m. 1369 H) menyatakan bahawa Muslim telah membezakan antara hadis *munkar* dan perawi yang disifatkan sebagai *munkar* atau *munkar al-hadith*. Menurut beliau, sekiranya sesuatu hadis dari seorang perawi bercanggah dengan hadis-hadis dari *ahl al-hifz wa al-rida* maka riwayatnya itu disifatkan sebagai *munkar* sekalipun perawinya bukan dari kalangan perawi *matruk* (al-Uthmani, 2006). Namun, sekiranya seseorang perawi itu banyak meriwayatkan hadis-hadis *munkar* (bersendirian dan bercanggah daripada riwayat perawi-perawi *thiqah*), maka perawi tersebut disifatkan sebagai *munkar al-hadith* dan riwayatnya ditolak serta tidak boleh dijadikan hujah (al-Uthmani, 2006). Ini berdasarkan kepada perkataan Muslim yang berbunyi: “...justeru apabila kebanyakan hadisnya begitu, maka hadisnya ditolak, tidak diterima dan tidak diamalkan...” (al-Uthmani, 2006; Muslim, 2000).

Dalam hal ini, dilihat bahawa sarjana *al-jarh wa al-ta'dil* sangat berhati-hati dalam menetapkan sesuatu hukum terhadap seseorang perawi. Penilaian mereka bukanlah sekadar melihat berlaku sekali sahaja *al-tafarrud* pada seorang perawi, malah mereka akan mengumpulkan terlebih dahulu riwayat-riwayat perawi berkenaan untuk dinilai sama ada terdapat kesamaan atau perbezaan dengan riwayat-riwayat dari perawi-perawi yang lain.

Sehubungan daripada penjelasan di atas, ternyata dalam kitab-kitab *rijal*, banyak ditemui kritikan terhadap perawi yang banyak melakukan *al-tafarrud* dalam meriwayatkan hadis. Antaranya, seorang perawi yang bernama Khalid bin Yazid. Menurut Ibn 'Adi (m. 365 H), hadis-hadis Khalid semuanya bersendirian (*la yutaba 'alayh*) sama ada sanad dan matan. Tambah Ibn 'Adi, kedudukan Khalid di sisinya adalah *da'if*, bagaimanapun hadis-hadisnya ditulis (Ibn 'Adi, 1988). Contoh lain pula adalah seperti 'Isl bin Sufyan, Abu Qurrah al-Yarbu'i al-Tamimi. Jelas Ibn Hibban (m. 354 H), 'Isl bin Sufyan adalah perawi yang sedikit hadisnya dan banyak pula riwayatnya berlaku *al-tafarrud* dari perawi-perawi *thiqah*. Justeru, tidak boleh berhujah dengan riwayat yang bersendirian kerana hadisnya sedikit (Ibn Hibban, 1992).

Menurut Hamam (2008), sekiranya seseorang perawi banyak berlaku *al-tafarrud* daripada Imam yang dikumpulkan hadisnya, maka ia lebih memberi kesan kepada penilaian sarjana hadis kepadanya. Dalam hal ini, Syu'bah (m. 160 H) pernah ditanya berkenaan kriteria perawi yang perlu ditolak. Jawab Syu'bah: “Apabila seseorang meriwayatkan dari perawi *masyhur*, tetapi (riwayat tersebut) tidak diketahui oleh perawi-perawi *masyhur*, justeru kebanyakan hadisnya ditolak...” (al-Jaza'iri, 1995).

Kebiasaannya, Imam yang dikumpulkan hadisnya merupakan individu penting dalam dunia periwayatan hadis dan sekaligus menjadi tempat tumpuan para perawi untuk mengambil hadis. 'Ali bin al-Madini (m. 234 H) pernah menyatakan bahawa sanad-sanad hadis berlegar pada enam individu. Mereka adalah Ibn Syihab al-Zuhri (m. 124 H) di Madinah, 'Amru bin Dinar (m. 126 H) di Mekah, Qatadah bin Di'amah al-Sadusi (m. 117 H) dan Yahya bin Abi Kathir (m. 132 H) di Basrah, Abu Ishaq al-Sabi'i (m. 129 H) dan Sulayman bin Mihran al-'A'masyh (m. 148 H) di Kufah (al-Madini, 2011). Enam individu yang digariskan ini merupakan figur penting dalam dunia periwayatan hadis, justeru hadis-hadis mereka menjadi sasaran untuk dikumpulkan oleh para perawi hadis. Berikutan daripada itu, apabila hanya seorang sahaja perawi meriwayatkan satu hadis dari mereka secara *al-tafarrud*, bahkan tinggi pula kekerapan riwayat seperti itu, maka status perawi itu akan dikritik oleh sarjana hadis.

Bagi menggambarkan keadaan ini, penulis datangkan beberapa contoh, iaitu antaranya seperti Ibn Abi Hatim (m. 327 H) pernah bertanya kepada ayahnya Abu Hatim (m. 277 H) berkenaan kedudukan Nasih bin 'Abd Allah al-Tamimi. Jawab Abu Hatim: Nasih adalah *da'if al-hadith, munkar al-hadith*. Dia memiliki hadis berkenaan *fada'il* daripada Simak bin Harb dari Jabir bin Samurah, namun semuanya *munkar* (Ibn Abi Hatim, 1953). Menurut al-Bukhari (m 256 H), Nasih adalah *munkar al-hadith*, manakala al-Nasa'i (m. 303 H) dan al-Daraqutni (m. 385 H) menilainya sebagai *da'if* (Ibn Jawzi, t.t.). Ibn Hibban (m 354 H) menjelaskan bahawa

Nasih meriwayatkan riwayat-riwayat *munkar* secara *al-tafarrud* dari perawi-perawi masyhur, justeru wajar untuk dia ditinggalkan (Ibn Jawzi, t.t.). Nasih dilihat telah meriwayatkan daripada Simak bin Harb Abu al-Mughirah (m. 123 H) secara *al-tafarrud*, sedangkan Simak merupakan seorang perawi masyhur di Kufah. Sekalipun terdapat sarjana melemahkannya, namun beliau memiliki ramai murid yang mengambil hadis darinya (al-Dhahabi, 1983). Contoh lain, Muhammad bin ‘Uthman bin Abi Syaybah pernah mendengar ayahnya Uthman bin Abi Syaybah berkata: “Aku dan Abu Nu‘aym bercakap berkenaan al-Hakam bin Zuhayr. Abu Nu‘aym bertanya kepadaku: “Apakah pandangan kamu tentangnya?” Jawab ‘Uthman: “dahulu dia adalah lelaki yang bijak dalam kalangan penduduk Kufah, tapi itu satu ketika dahulu.” ‘Uthman kemudian berkata: “Wahai Abu Nu‘aym, ceritakan kepadaku, daripada mana datang kepada kita pandangan mengatakan bahawa dia perawi lemah? Kata Abu Nu‘aym: “Kamu tidak mengetahuinya? Jawab ‘Uthman: “Ceritakan kepadaku”. Lalu jawab Abu Nu‘aym: “Dia telah meriwayatkan dari al-Suddi hadis-hadis *munkar* dan tiada seorang pun perawi meriwayatkan seperti itu. Dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar* daripada ‘Alqamah bin Marthad dan ‘Asim bin Abi Najud, namun tiada seorang perawi pun meriwayatkan seperti itu. Dia tidak pernah meriwayatkan sesuatu hadis melainkan hadis itu tidak diketahui oleh perawi lain. Justeru, daripada sini dinilai kelemahannya” (\_\_\_\_\_, t.t.).

Berdasarkan kepada contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa kritikan yang diberikan oleh sarjana hadis terhadap perawi yang bernama Nasih bin Abd ‘Allah dan al-Hakam bin Zuhayr adalah disebabkan riwayatnya yang bersendirian daripada perawi-perawi yang masyhur.

#### 4. Istilah *al-Jarh wa al-Ta’dil* Disebabkan Elemen *al-Tafarrud*

Dasarnya, perawi yang banyak meriwayatkan hadis secara *al-tafarrud* akan diberikan kritikan oleh para sarjana hadis. Berdasarkan kepada pemerhatian penulis terhadap praktikal para sarjana hadis khususnya dalam kitab-kitab *rijal*, ditemui beberapa istilah yang kerap digunakan oleh mereka, iaitu seperti berikut:

##### a) *Munkar al-Hadith*

Istilah *munkar al-hadith* merupakan satu istilah yang dipakai untuk memberikan kritikan kepada seseorang perawi. Menurut Yaakob dan Shamsudin (2019), istilah *munkar* adalah antara istilah yang dipakai oleh sarjana hadis dalam menggambarkan kewujudan elemen *al-tafarrud*. Bagi mana-mana perawi yang disepakati dengan istilah ini, maka perawi berkenaan wajar ditinggalkan. Perlu dijelaskan, bahawa istilah *munkar al-hadith* berbeza dengan istilah si Fulan meriwayatkan hadis-hadis *munkar*. Ini kerana, istilah si Fulan meriwayatkan hadis-hadis *munkar* adalah kritikan kepada riwayatnya sahaja, dan bukan pada kredibiliti dirinya. Dalam hal ini al-Zayla‘i (m. 762 H) menjelaskan seperti berikut:

“...kerana mereka yang berkata *munkar al-hadith* adalah tidak sama dengan mereka yang berkata dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar*. Ini kerana *munkar al-hadith* adalah kritikan pada perawi dan berhad dengan ditinggalkan hadisnya...” (al-Zayla‘i, t.t.).

Berdasarkan penelitian penulis, istilah *munkar al-hadith* biasa dipakai oleh sarjana hadis sebagai kritikan kepada perawi yang banyak melakukan periwayatan secara *al-tafarrud*. Contohnya, Ahmad bin Hanbal (m. 241 H) menyatakan bahawa perawi yang bernama Basyir bin Muhajir al-Ghanawi adalah *munkar al-hadith*. Tambah Ahmad lagi, aku telah membandingkan hadis-hadisnya (dengan hadis perawi-perawi lain) dan aku dapati Basyir membawa riwayat yang pelik (Ibn Abi Hatim, 1953). Kedudukan Humayd bin ‘Ata’ al-A‘raj pernah ditanya kepada Abu Hatim, justeru jawab beliau: “*da‘if al-hadith, munkar al-hadith*. Sesungguhnya dia sentiasa meriwayatkan melalui sanad ‘Abd Allah bin al-Harith dari Ibn Mas‘ud. Sedangkan tidak diketahui satu riwayat pun dari ‘Abd Allah bin al-Harith dari Ibn Mas‘ud (Ibn Abi Hatim, 1953).

##### b) *Matruk al-Hadith / al-Matruk*

*Matruk al-hadith* juga merupakan antara istilah yang biasa ditemui sebagai kritikan kepada perawi disebabkan pelbagai faktor. Namun, salah satu daripadanya adalah banyak meriwayatkan hadis secara *al-tafarrud*. Dari sudut bahasa, istilah *matruk al-hadith* bermaksud hadis si Fulan ditinggalkan. Syu‘bah (m. 160 H) pernah ditanya, bilakah hadis seorang perawi itu perlu ditinggalkan. Jawab Syu‘bah, apabila seseorang perawi meriwayatkan dari perawi masyhur, tetapi (riwayat tersebut) tidak diketahui oleh perawi-perawi masyhur (al-Jaza‘iri, 1995). Istilah *al-matruk* juga ditafsirkan oleh Ibn Hajar (m. 852 H) sebagai hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang dituduh sebagai pendusta, tidak diketahui hadis tersebut melainkan melalui sanadnya sahaja

dan hadis itu bercanggah dengan kaedah-kaedah asas dalam agama (al-Suyuti, 2003). Antara contoh bagi menggambarkan penggunaan istilah ini adalah seperti seorang perawi yang bernama Husayn bin ‘Umar al-Ahmasi. Jelas Ibn Abi Hatim, aku mendengar ayahku berkata “*Husayn adalah seorang perawi yang sangat lemah. Aku tidak mengetahui dia ada meriwayatkan hadis yang diikuti (semua hadisnya diriwayatkan secara al-tafarrud), dia adalah matruk al-hadith*” (Ibn Abi Hatim, 1953). Selain itu, perawi lain yang bernama Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali al-Marwazi. Abu Hatim dan Ibn Sa‘id menilainya sebagai pendusta. Al-Daraqutni menilainya sebagai *da‘if*. Pada ketika lain, al-Daraqutni menilainya sebagai *matruk al-hadith*. Jelas Ibn ‘Adi, Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Marwazi meriwayatkan hadis-hadis *munkar* dari perawi-perawi *thiqah* dalam naskah (buku) yang terkandung riwayat-riwayat pelik (Ibn Jawzi, t.t.).

c) *Da‘if al-Hadith*

Dasarnya, istilah *da‘if al-hadith* merupakan kritikan secara umum terhadap kelemahan seseorang perawi hadis. Bagaimanapun, apabila ditinjau dalam praktikal sarjana hadis, istilah ini turut dipakai oleh sebahagian sarjana sebagai kritikan kepada perawi yang sering meriwayatkan hadis secara *al-tafarrud*. Malah, pemerhatian penulis mendapati bahawa istilah ini biasanya digandingkan dengan istilah-istilah lain seperti *munkar al-hadith* dan lain-lain. Besar kemungkinan gandingan ini adalah sebagai penguat dalam memberikan kritikan atau sebagai penjelasan lanjut berkenaan perawi berkenaan. Contoh penggunaan istilah ini adalah seperti penilain Abu Hatim terhadap perawi yang bernama ‘Abd Allah bin Ja‘far bin Najih. Menurut Abu Hatim, ‘Abd Allah bin Ja‘far *munkar al-hadith jiddan. da‘if al-hadith*, dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar* dari perawi-perawi *thiqah* dan hadisnya ditulis tetapi tidak dijadikan hujah (Ibn Kayyal, 1999). Contoh lain pula adalah perawi yang bernama Bakr bin Yunus bin Bukayr al-Syaybani al-Kufi. Menurut Abu Hatim, Bakr adalah *munkar al-hadith, da‘if al-hadith*. Manakala menurut Ibn ‘Adi, kebanyakan riwayatnya tidak diikuti (diriwayatkan secara *al-tafarrud*) (Ibn Hajar, t.t.).

d) *La Yutaba‘ ‘alayh* atau *La Yutaba‘ ‘ala Hadithih*

Istilah *la yutaba‘ ‘alayh* atau *la yutaba‘ ‘ala hadithih* secara literal bermaksud fulan atau hadis fulan tidak diikuti atau disokong. Berdasarkan pemerhatian penulis, istilah ini dipakai oleh para sarjana hadis sebagai gambaran perawi tersebut meriwayatkan hadis-hadis yang memiliki elemen *al-tafarrud*. Menurut Ibn Rajab (m. 795 H), majoriti sarjana hadis *mutaqaddimin* menggelarkan hadis yang diriwayatkan secara *al-tafarrud* sebagai *la yutaba‘ ‘alayh* (Ibn Hajar, t.t.). Menurut Mansur (2013), al-Bukhari (m. 254 H) dalam *al-Tarikh al-Kabir* menggunakan istilah ini hampir 113 kali bagi menta‘lilkan periwayatan *al-tafarrud*. Seiring dengan pandangan ini, Zuhayr ‘Uthman turut menyatakan bahawa Ibn ‘Adi (m. 360 H) dalam *al-Kamil* telah menjadikan lafaz ini sebagai salah satu daripada lafaz *ta‘lil* bagi periwayatan yang mengandungi elemen *al-tafarrud* (Zuhayr, 1997).

e) *La Yahtajju bih Idha Infarada*

Istilah *la yahtajju bih idha infarada* juga antara istilah yang biasa dipakai oleh sarjana hadis ketika berinteraksi dengan perawi yang meriwayatkan hadis secara *al-tafarrud*. Secara literal, istilah ini bermaksud “*tidak boleh berhujah dengannya sekiranya dia meriwayatkan hadis secara al-tafarrud*”. Istilah ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa riwayat dari perawi berkenaan masih boleh diterima namun dengan syarat, ia mesti disokong dengan riwayat dari perawi lain. Contoh bagi penggunaan istilah ini adalah seperti seorang perawi yang bernama Sulayman bin Abi Sulayman al-Qa‘qalani Abu al-Rabi‘. Menurut Ibn Hibban, Sulayman meriwayatkan hadis-hadis *mawdu‘* dari perawi-perawi yang *al-athbat* (kuat ingatan) sehinggalah dia menjadi dalam kalangan perawi yang tidak boleh berhujah dengannya apabila bersendirian (Ibn Hibban, 1992).

## 7. Kesimpulan

Periwayatan *al-tafarrud* dari seorang perawi memberi kesan kepada penilaian para sarjana hadis kepadanya, khususnya apabila kekerapan riwayat *al-tafarrud* daripadanya lebih dominan berbanding riwayat yang mempunyai sokongan. Faktor penilaian ini adalah kerana mengambilkira elemen *al-dabt* pada perawi tersebut. Sekiranya perawi berkenaan banyak meriwayatkan hadis dan ia tidak ditemui pada perawi-perawi yang lain, maka tahap *al-dabt* perawi tersebut boleh diragukan. Bahkan lebih diragukan apabila hadis berkenaan hanya ditemui pada riwayatnya sahaja dan tidak ditemui pada riwayat-riwayat dari perawi yang lain. Penilaian sarjana hadis terhadap status perawi seperti ini adalah mengambilkira kemungkinan berlaku kesilapan pada kebanyakan riwayat daripadanya. Justeru, istilah-istilah seperti *munkar al-hadith*, *matruk al-hadith* / *al-matruk*, *la yutaba‘ ‘ala hadithih* dan *la yahtajju bih idha infarada* adalah antara sekian banyak istilah yang dipakai oleh sarjana hadis sebagai respon terhadap perawi yang meriwayatkan hadis secara *al-tafarrud*.



## Rujukan

- \_\_\_\_\_. (t.t.). *Masa'il Abi Ja'far Muhammad bin 'Uthman bin Abi Syaybah 'an Syuyukhihi (fi Masa'il al-Jarh wa al-Ta'dil)*. 'Amir Hasan Sabri. (Ed.). T.T: T.P.
- 'Itr, N. D. (2007). *Usul al-Jarh wa al-Ta'dil wa 'Ilm al-Rijal*. c. 2. Damsyik: Dar al-Yamamah.
- al-'Uthmani, S. A. (2006). *Fath al-Mulhim Bi Syarh Sahih al-Imam Muslim bin Hajaj al-Qusyayri*. Nur al-Basyar Nur al-Haq et.al. (Eds). c. 1. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Darimi, A. A. R. (2000). *Musnad al-Darimi*. Husayn Salim (Ed.). Arab Saudi: Dar al-Mughni.
- al-Dhahabi, A. M. (1983). *Siyar 'A'lam al-Nubala'*. Syuayb al-Arna'ut (Ed.). c. 2. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- al-Ghouri, S. A. M. (2007). *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- al-Jaza'iri, T. D. (1995). *Tawjih al-Nazr ila Usul al-Athar*. 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah (Ed.). Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- al-Lahim, I. A. (2003). *Al-Jarh wa al-Ta'dil*. c. 1. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- al-Madini, A. (2011). *'Ilal al-Hadith wa Ma'rifah al-Rijal wa al-Tarikh*. Fazin bin Muhammad al-Sirsawi (Ed). c. 3. Bayrut: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Malyabari, H. A. (2005). *Su'alat Hadithiyyah*. Mekah: Multaqa Ahl Hadith.
- al-Suyuti, J. D. (2003). *Tadrib al-Rawi fi Sayrh Taqrib al-Nawawi*. Tariq 'Iwad Allah (Ed.). Riyadh: Dar al-'Asimah.
- al-Syafi'i, M. I. (t.t.). *Al-Risalah*. Ahmad Muhammad Syakir (Ed.). Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Zayla'i, J. D. (t.t.). *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Muhammad 'Awwamah (Ed.). Jedah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Hamam, A. J. (2008). *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulih aw Raddih*. Damsyik: Dar al-Nawadir.
- Ibn 'Adi, A. J. (1988). *Al-Kamil fi al-Du'afa' al-Rijal*. Suhayl & Yahya Mukhtar (Ed.). c. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Adi, A. J. (1985). *Al-Kamil fi al-Du'afa' al-Rijal*. Suhayl (Ed.). c. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi Hatim, A. M. (1953). *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil*. c. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ma'rifah.
- Ibn al-Salah, A. A. S. (2002). *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*. Mahir Yasin Fahl & 'Abd Latif al-Hamim (Eds.). c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hajar, A. A. (t.t.). *Tahdhib al-Tahdhib*. Ibrahim & 'Adil (Ed.). T.T: Mu'assasah al-Risalah.



Published biannually by:  
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Email: [jurnalhadis@kuis.edu.my](mailto:jurnalhadis@kuis.edu.my)  
Web: [www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/](http://www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/)  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279  
**Vol. 13, No. 25 (JUNE 2023)**

- Ibn Hibban, M. H. B. (1992). *Kitab al-Majruhin min al-Muhaddithin wa al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Mahmud Ibrahim Zayid (Ed.). Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Jawzi, A. F. (t.t.). *Kitab al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Abu al-Fida' 'Abd Allah al-Qadi (Ed.). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kayyal, A. B. (1999). *Al-Kawakib al-Nirat fi Ma'rifah man ikhtalat min al-Ruwat al-Thiqat*. Abd al-Qayyum 'Abd Rab al-Nabi (Ed.). c. 2. Bayrut: Al-Maktabah al-Amdadiyyah.
- Ibn Manzur, M. M. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. 'Abd Allah 'Ali al-Kabir. et.al. (Eds.). Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Mansur, A. A. (2013). *Manhaj al-Imam al-Bukhari fi al-Ta'lil min Khilal Kitabih al-Tarikh al-Kabir*. c. 1. Bayrut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Muslim, M. H. (2000). *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah. Sahih Muslim bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*. c. 3, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Mustafa, A. H. (1991). *Syifa' al-'Alil bi Alfaz wa Qawa'id al-Jarh wa al-Ta'dil*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Yaakob, M. A. & Shamsudin, R. (2019). *Periwayatan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan*. *HADIS*, 9 (18). 181-194
- Zuhayr. U. A. (1997). *Ibn 'Adi wa Manhajuh fi Kitab al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal*. c. 1. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.